

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif & Seni Persembahan
Sent: 09 Mac 2017 14:43
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PROGRAM "SANTAI WARNA SCIMPA" PUPUK SEMANGAT KERJASAMA DI KALANGAN STAF DAN PELAJAR SCIMPA



Pusat Pengajian
Pengurusan Industri Kreatif
dan Seni Persembahan
SCHOOL OF CREATIVE INDUSTRY MANAGEMENT AND PERFORMING ARTS
Universiti Utara Malaysia

9 MAC 2017 / 10 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum/ Salam Sejahtera

Tuan/Puan

PROGRAM SANTAI WARNA PUPUK SEMANGAT KERJASAMA DI KALANGAN STAF DAN PELAJAR SCIMPA



SCIMPA Online - Seramai 25 orang pelajar program Bachelor of Creative Industry Management (BCIM) serta staf Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif & Seni Persembahan (SCIMPA) telah menjayakan program Santai Warna SCIMPA pada 2 Mac 2017 yang lalu.

Program yang dianjurkan oleh Kelab Kebajikan SCIMPA ini bertujuan untuk menghias dan menceriakan pejabat am SCIMPA yang baru diwujudkan di tingkat 3 bangunan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia & Komunikasi (SMMTC). Antara aktiviti yang dijalankan ialah mengecat dinding di bahagian pintu masuk pejabat, menyusun atur pokok-pokok hiasan dan menghias dinding pejabat dengan kerja seni pelajar. Warna cat yang bertemakan kreatif harmoni telah dipilih secara undian di kalangan staf seminggu sebelum program ini dijalankan.

Bermula jam 9.00 pagi, pelajar dan staf berkumpul untuk sarapan pagi bersama-sama sebelum memulakan aktiviti mengecat dan menghias. Ini mengeratkan lagi silaturahim dan semangat kerjasama antara mereka. Seterusnya mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan supaya kerja-kerja menghias lebih teratur dan lancar.

Presiden Kelab Kebajikan SCIMPA, Prof. Madya Dr. Adzrool Idzwan berkata, melalui aktiviti sebegini, para pelajar dan staf dapat berkerjasama dan berpeluang berkenalan dengan lebih rapat antara satu sama lain. Program Santai Warna ini juga dapat mencungkil kreativiti pelajar sekali gus memberi peluang kepada mereka untuk menjadi lebih kreatif dalam meluahkan idea.

Aktiviti mengecat dan menyusun atur selesai lebih kurang jam 3 petang.

Sekian.

=====

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
TEL.: 04 - 928 6451/6454
FAKS : 04 - 928 6455
scimpa.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.